

28/02/1998

Nasib bahasa di tangan pegawai kerajaan

Faizal Fadzil

KETIKA menyampaikan Syarahan Perdana Persatuan Linguistik Malaysia (PLM) sempena perayaan 20 tahun persatuan berkenaan di Universiti Malaya (UM) Isnin lalu, Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Abdul Halim Ali, kelihatan "berada dalam kedudukan yang sukar" untuk menjawab persoalan mengenai penggunaan bahasa Melayu dalam pentadbiran kerajaan.

Pejuang bahasa Melayu mengambil kesempatan yang baik untuk mempersoalkan kedudukan bahasa Melayu yang seolah-olah dianak-tirikan dalam pelbagai program anjuran kerajaan.

Antara desakan yang dibangkitkan itu ialah:

- * Meminta kerajaan mengutamakan bahasa Melayu dalam pelbagai seminar antarabangsa, termasuk penyampaian ucap utama dalam bahasa ibunda.

- * Meminta pentadbiran kerajaan memastikan sektor swasta menggunakan bahasa Melayu khususnya membabitkan papan tanda.

- * Meminta majlis politik parti kaum bukan Melayu, turut menggantung kain pemedang sepanduk yang menggunakan tulisan berbahasa Melayu, selain bahasa ibunda mereka.

- * Memastikan pelaksanaan Wawasan 2020 yang kelihatan menonjolkan keutamaan bidang ekonomi, tidak mengetepikan budaya dan bahasa.

Meskipun majlis itu sebenarnya dikhususkan bagi membolehkan anggota PLM mendengar pandangan Abdul Halim mengenai isu semasa dalam dasar negara, tetapi kebanyakan soalan yang dilontar lebih membayangkan keprihatinan mereka terhadap dasar bahasa Melayu dalam pentadbiran kerajaan.

Kenyataan Abdul Halim, bahawa bahasa Inggeris digunakan dalam perbincangan atau mesyuarat jabatan kerajaan, meskipun surat menyurat rasmi menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, mengundang banyak kritikan terhadap perkara itu bukan saja dalam majlis itu, malah melarat ke dada media.

Abdul Halim menjelaskan tindakan itu bertujuan untuk mengasah kemahiran pegawai kerajaan yang agak lemah dalam bahasa Inggeris, memandangkan Malaysia semakin banyak terbabit dalam acara antarabangsa yang memerlukan penguasaan bahasa itu.

Malah, beliau menganggap ia tidak mengurangkan "semangat patriotisme" terhadap negara, selain secara sinis mengatakan penggunaan bahasa Inggeris dalam majlis yang bersifat antarabangsa turut menjadi amalan sesetengah "tokoh bahasa".

Bagaimanapun, banyak organisasi dan individu pencinta bahasa Melayu, menganggap amalan penggunaan bahasa Inggeris dalam perbincangan di jabatan kerajaan adalah langkah ke belakang dan menghina bahasa Melayu.

Mereka bertanggapan banyak pendekatan lain yang boleh digunakan untuk memastikan pegawai kerajaan mampu menguasai bahasa Inggeris, tanpa perlu mengabaikan penggunaan bahasa Melayu dalam mesyuarat jabatan mereka.

Presiden PLM, Prof Datuk Dr Nik Safiah Karim, yang menghadiri sidang media selepas syarahan berkenaan, memberi jaminan untuk terus mengadakan perbincangan dengan pelbagai pihak di jabatan kerajaan mengenai masalah itu, setelah berjaya merintis pertemuan Abdul Halim dengan pencinta bahasa Melayu di UM.

Sebenarnya, amalan semacam ini akan menjadi satu fenomena yang "menyayat hati" apabila wujud keadaan dalam sekumpulan manusia yang berbangsa Melayu, berbincang dalam satu jabatan kerajaan yang dikuasai oleh orang Melayu, tiba-tiba menggunakan saluran perantaraan perhubungan dalam bahasa asing.

Terasa sayu juga bagi penulis apabila menghadiri satu sidang taklimat persidangan kebangsaan yang tidak dihadiri seorang pun rakyat bangsa asing di sebuah jabatan kerajaan dan diadakan di tanah air, tetapi menggunakan bahasa Inggeris sebagai perantaraan?

Semakin sebak apabila melihat beberapa pegawai kerajaan atau swasta berbangsa Melayu yang hadir turut bertanya soalan dalam bahasa Inggeris kepada pengerusinya yang juga seorang yang berbangsa Melayu, lalu dijawab dengan bahasa asing juga.

Penulis semakin tertanya-tanya, di mana nasib bahasa Melayu di jabatan kerajaan sekarang ini apabila soalan yang dikemukakan penulis dalam bahasa Melayu dijawab dalam bahasa yang berbeza?

Apakah mereka tidak belajar daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang tetap menjawab soalan berbahasa Melayu dengan bahasa yang sama, meskipun media seluruh dunia sedang menghalakan kamera televisyen dan menyuakan alat perakam suara ke wajah dan bibir mereka?

(END)